



Pelita Brunei

DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU

**AKHBAR
RASMI
KERAJAAN
NEGERI
BRUNEI**

TAHUN 23 BILANGAN 23

RABU 7HB JUN, 1978.

1398 رابو 1 رجب

PERCHUMA

UPACHARA PERBARISAN HARI KEPUTERAAN D.Y.M.M. BAGINDA QUEEN

BANDAR SERI BEGAWAN. — Hari Keputeraan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Queen Elizabeth II telah di-ra'ikan dengan satu perbarisan kehormatan yang telah berlangsung di-Padang Besar di-sini pada hari Sabtu 2hb Jun yang lalu.

Perbarisan yang di-perintah oleh Major J.D. Griffiths-Eyton, mengandungi pasukan ke-10 Princess Mary's Own Gurkha Rifles, Battalion Kedua Askar Melayu Diraja Brunei, Polis Diraja Brunei dan pasukan tembak meriam Polis Diraja Brunei.

Pasukan2 awam yang terdiri dari Kadet2 Askar Melayu Diraja Brunei dan Polis Diraja Brunei, Jabatan Laut, Kastam, Bomba, Palang Merah, Pengakap, Pandu Puteri, Imigresen dan Boys Brigade juga telah mengambil bahagian dalam perbarisan tersebut.

Gabungan pancharagam pasukan ke-10 Princess Mary's Own Gurkha Rifles, pasukan serunai dan tambor Battalion Kedua AMDB dan pancharagam Polis Diraja Brunei juga menyertai perbarisan tersebut.

Perbarisan yang di-saksikan oleh beribu2 orang yang membanjiri sekitar padang tersebut bermula jam 7.30 pagi dengan ketibaan para jemputan.

Tuan Yang Terutama Pesuruhjaya Tinggi British di-Brunei, Awang J.A. Davidson tiba ka-upachara tersebut kira2 jam 8.00 pagi dan di-ikuti dengan keberangkatan Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei Sir Muda Hassan Bolkiah Mu'iz-

zaddin Waddaulah beberapa minit kemudian.

Sa-jurus sa-telah itu pemerintah perbarisan menjemput Tuan Yang Terutama Pesuruhjaya Tinggi British di-Brunei untuk memereksa barisan pasukan2 yang mengambil bahagian.

Sa-telah selesai memereksa barisan, Tuan Yang Terutama membacakan perutusan DYMM Seri Paduka Baginda Queen kepada Komanweal.

Tembakan meriam sa-banyak 21 das telah di-lepaskan dan pesawat helikopter dari chawangan udara AMDB telah terbang lalu.

Lihat muka 16



Hampir \$19 ribu di-terima oleh TKKB tahun lalu

BANDAR SERI BEGAWAN. — Tabong Kebajikan Kebangsaan Brunei telah menerima sa-keping chek bernilai lebih dari \$200.00 yang telah di-dermakan oleh Persatuan India.

Chek tersebut telah di-sampaikan oleh Bendahari persatuan itu, Awang Ramanathan kepada Pengarah Kebajikan, Belia dan Sokan, Y.B. Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Setia Awg Haji Hussain yang juga selaku Pengerusi Tabong tersebut.

Derma tersebut membawakan jumlah yang di-terima dari orang2 perseorangan, badan2 kebajikan dan kaki-tangan Kerajaan oleh tabong itu pada tahun ini kepada \$1,294.

Pada tahun lalu tabong tersebut menerima 18 derma yang berjumlah \$18,761.71.

Sementara itu Badan Kebajikan Kebangsaan pada hari Selasa minggu lalu telah mendermakan sa-jumlah \$550.00 kepada dua orang mangsa kebakaran di-Kampung Sungai Matan di-Daerah Brunei/Muara.

Sa-banyak \$300.00 telah di-dermakan kepada Awg Damit bin Menuhin dan \$250.00 kepada Awg Mohammad Yusof bin Abu Bakar.

HARI Ulang Tahun penubuhan pasukan Askar Melayu Diraja Brunei yang ke-17 tahun telah di-ra'ikan dengan satu perbarisan di-Padang Besar Bandar Seri Begawan pada 27hb Mei yang lalu. Kemunchak dari achara di-upachara perbarisan itu ialah pengorniaan Panji-Panji Diraja dan Pasukan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei kepada kedua2 battalion AMDB.

Pada sebelah malam-nya pula, satu majlis jamuan khas telah di-adakan di-Perkhemahan Bera-kas. Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Perdana Wazir Sahibol Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohammad Bolkiah telah berangkat ka-majlis tersebut.

Tuan Yang Terutama Pesuruhjaya Tinggi British di-Brunei, Awang J.A. Davidson dan lain2 pembesar negara juga hadir di-majlis itu.

Gambar atas kelihatan Pegawai Pemerintah Battalion, Y.B. Pehin Orang Kaya Seri Dewa Lt. Col. Dato Seri Pahlawan Mohammad bin Haji Daud memperkenalkan pegawai2 AMDB kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia sa-masa majlis jamuan pada malam itu.

Pesta ria

BANDAR SERI BEGAWAN. — Bahagian Melayu Radio Tali-visyen Brunei akan mengadakan Pesta Ria bertempat di-Dewan Sekolah Melayu Lumut pada 10hb Jun, 1978 mulai jam 7.30 malam.

Penduduk2 Kampung Lumut dan kampung2 di-sekitar-nya ada-lah di-persilakan datang ka-dewan sekolah tersebut untuk menyaksikan persembahan2 pada malam itu.

Jadual lawatan dokter terbang

BANDAR SERI BEGAWAN. — Jabatan Perkhidmatan Perubatan dan Kesihatan telah menyusun jadual lawatan perkhidmatan doktor terbang ka-kampung2 pendalaman bagi bulan Jun ini.

Menurut jadual yang telah di-ator, rombongan itu akan melawat tujuh buah kampung di-Daerah Tutong; lima di-Daerah Belait dan tiga di-Daerah Temburong.

Kampung2 di-Daerah Tutong yang akan di-lawati oleh rombongan tersebut ialah Kampung Panchong pada hari ini, 7hb Jun; Ukong pada 12hb Jun; Belabau pada 14hb Jun; Supon Besar pada 20hb Jun; Long Mayan dan Supon Kechil pada 21hb Jun dan Bukit pada 26hb Jun.

Rombongan tersebut akan melawat ka-kampung2 Daerah Belait pada tarikh2 seperti berikut:

Kampung Sukang pada 13hb Jun; Melilas pada 19hb Jun, Baran dan Teraja pada 27hb Jun dan Buau pada 28hb Jun.

Kampung2 di-Daerah Temburong yang telah di-lawati oleh rombongan itu ialah Lopat, Biang Menengah dan Lamaling yang masing2 telah di-lawati pada 5hb dan 6hb Jun.



Gambar atas kelihatan Tuan Yang Terutama Pesuruhjaya Tinggi British, Awang J.A. Davidson sedang memereksa barisan pasukan Kadet Polis Diraja yang mengambil bahagian dalam perbarisan pada hari itu.


Pelita Brunei

DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU

 AKHBAR
RASMI
KERAJAAN
NEGERI
BRUNEI

7HB JUN, 1978

KEARAH KEMAJUAN SHARIKAT KERJASAMA

SEJAK Jabatan Kemajuan Kerjasama di-tubuhkan, beberapa Sharikat Kerjasama telah muncul di-negeri ini baik di-bandar, luar bandar dan di-pendalaman2. Sa-belum penubuhan jabatan ini, sememangnya banyak Sharikat Kerjasama telah tumbuh di-negeri ini—malang-nya, ada di-antara-nya yang sudah gulung tikar, mati tanpa nisan dan lain2.

Dan sa-takat ini belum-lah dapat di-pastikan sa-jauh mana kemajuan Sharikat2 Kerjasama itu diperolehi—walau bagaimana pun dapat-lah di-katakan kesemua Sharikat2 Kerjasama itu masing2 dalam proses perkembangan. Sa-jauh ini ada tiga buah Sharikat Kerjasama yang barang kali dapat kita ketengahkan ia-itu Sharikat Kerjasama PERDA, Penanjong, Sharikat Kerjasama PESAKA, Keriam (kedua2-nya dari Daerah Tutong); yang sudah lama berkembang maju dan sa-buah Sharikat Kerjasama Pegawai Rendah dan kakitangan Kerajaan di-Kuala Belait, yang sedang berjalan dengan baik-nya itu.

Pihak Jabatan Kemajuan Kerjasama pula kerap kali kita ikuti telah dan sedang menyusun beberapa projek-nya bagi memperkokohkan lagi Sharikat2 Kerjasama di-negeri ini dengan pegawai2-nya sentiasa bergerak chergas melawat, menasehat serta menubuhkan Sharikat2 Kerjasama yang baharu di-samping menganjorkan kursus2 Sharikat Kerjasama. Apa yang menjadi harapan Kerajaan dan juga rakyat terutama kaum bumi putera di-negeri ini, pada satu ketika nanti bersama2 akan dapat melihat hasil2 kemajuan Sharikat2 Kerjasama yang telah dan yang sedang kita usahakan sekarang ini benar2 menuju matalamat yang di-hajati ia-itu demi meninggikan lagi taraf hidup kaum bumi putera di-negeri ini dilapangan perusahaan dan perniagaan.

Perkara yang harus kita ambil perhatian untuk mengusai serta memajukan lagi Sharikat2 Kerjasama yang ada sekarang ini ia-lah seperti yang telah diterangkan oleh Pesuruhjaya Kemajuan Kerjasama sa-waktu merasmikan Mashuarat Agong Kali Kedua, Sharikat Kedai Persatuan Melayu Keriam (PESAKA), Tutong yang baru lalu, antara lain: "Kedai2" Sharikat Kerjasama tidak boleh berdiam diri dengan bersungut sahaja. Sharikat2 Kerjasama itu mahu-lah berwaspada dan bekerja dengan lebih giat lagi supaya dapat menandingi pekedai2 yang lain. Sangat-lah mustahak bagi Sharikat Kerjasama itu memperkokohkan perdampingan di-antara sharikat dengan ahli2-nya yang juga sa-bagai pembeli dan tuan punya sharikat dan ini ada-lah satu kelebihan yang patut di-gunakan dengan sepenoh-nya."

Kita mempunyai penoh keyakinan serta menaruh harapan yang tinggi yang Sharikat2 Kerjasama itu akan terus maju dan maju dengan tanda2 yang menunjukkan kebolehan Sharikat Kerjasama yang sama2 di-restui oleh Kerajaan dan rakyat pada menjalankan urusan2 perniagaan-nya dengan sempurna dan terator menurut garis2 yang tertentu di-bawah prinsip Sharikat Kerjasama.

PAMERAN SENI-LUKIS DAN KERJA TANGAN DI-DAERAH BELAIT

KUALA BELAIT.— Satu pameran seni-lukis dan kerja-tangan yang di-anjorkan oleh Jawatankuasa Tertinggi Menyambut Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei kali yang ke-32 tahun akan di-adakan tahun ini bagi Daerah Belait.

Pameran kali ke-empat yang akan di-langsungkan itu akan di-adakan di-Sekolah Inggeris Perdana Wazir, di-sini pada 28hb hingga 30hb Julai depan

dan ia-nya terbuka kepada penduduk2 Daerah Belait sahaja.

Semua lukisan2 dan kerja-tangan yang akan di-pertandingkan ada-lah berupa lukisan alam semulajadi, alam benda, potret, gubahan fikiran dan pemandangan, arca, batik dan yang sa-umpama-nya dan mestilah berukuran tidak kurang dari 8" x 11" serta mesti-lah di-bingkai atau di-lekat dengan kertas tebal.

Pameran tersebut juga ada-lah terbahagi kepada

dua bahagian, bahagian 'A' bagi orang2 dewasa semantara bahagian 'B' pula untuk penuntut2 sekolah2 rendah, menengah bawah, atas dan maktab.

Semua borang2 untuk menyertai peraduan itu boleh di-dapati dari sekarang dari Dayang Lee bertempat di-Maktab Anthony Abell, Seria; Chegu Mohammad bin Akup di-Sekolah Menengah Melayu Muhammad Alam, Seria dan Dayang Isah bte Masrum di-Sekolah Menengah Melayu Ahmad Tajuddin atau berhubung terus kepada Setia Usaha Peraduan, Awang

Ahmad bin Semu di-Sekolah Inggeris Perdana Wazir.

Tidak ada bayaran masuk di-kenakan kepada pelukis2, kerana itu semua karya yang akan di-pertandingkan hendak-lah sampai kepada jawatankuasa peraduan tidak lewat pada 17hb Julai dan karya2 yang di-hasilkan dan pernah di-pertandingkan pada dan sa-belum tahun 1977 tidak akan di-terima. Pelukis2 hanya di-benarkan menghantar sa-buah sahaja hasil karya mereka.

Sa-banyak empat hadiah akan di-berikan kepada pemenang yang berupa wang tunai, hadiah pertama berjumlah \$75.00; hadiah kedua sa-banyak \$65.00; hadiah ketiga sa-banyak \$50.00 dan hadiah keempat sa-banyak \$30.00.

200 memohon untuk menjadi Guru Ugama

BANDAR SERI BEGAWAN.— Jabatan Hal Ehwal Ugama telah menjalankan satu temuduga bagi 200 orang pemohon2 untuk menjalani satu kursus perguruan sa-lama tiga tahun di-Maktab Perguruan Ugama Seri Begawan di-batu 1½ Jalan Tutong. Kursus tersebut di-jangka di-mulakan pada bulan Julai dan di-bahagikan kepada dua kumpulan ia-itu A dan B.

Kursus 'A' ada-lah untuk pemohon2 yang mempunyai 4 mata pelajaran 'O' perengkat biasa atau yang sebanding dengan-nya termasuk Bahasa Melayu dan mempunyai Sijil Pelajaran Ugama.

Kursus 'B' bagi pemohon2 yang lulus Sijil Rendah Pelajaran Brunei atau yang sebanding dengan-nya termasuk Bahasa Melayu dan mempunyai Sijil Pelajaran Ugama.

Pemohon2 juga hendaklah mempunyai pengetahuan dalam membaca Kor'an, sembahyang dan menulis jawi.

Sejak Maktab tersebut di-buka dalam tahun 1972, sa-ramai 226 orang guru telah lulus dalam kursus mereka dan telah menerima sijil2. Pada masa ini 205

orang sedang mengikuti kursus yang sama. Dari jumlah ini 90 orang dalam tahun ketiga, 61 orang dalam tahun kedua dan yang lain-nya dalam tahun pertama.

Sa-ramai 17 orang penshara di-tempatkan di-Maktab tersebut. Enam dari mereka mengajar sa-chara umom dan 11 yang lain-nya dalam pelajaran Ugama. Kursus2 lain termasuk-lah membaca Kor'an dan kursus ulang kaji juga di-jalankan di-maktab tersebut.

TUTONG.— Peraduan silat dan kuntau bagi Daerah Tutong akan di-adakan akhir bulan ini di-Pantai Seri Kenangan Tutong.

Peraduan yang hanya terbuka kepada penduduk2 di-daerah itu merupakan sa-bahagian dari acara perayaan puja usia Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan.

Borang2 boleh di-dapati dari Awang Ali Ahmad bin Haji Lahab di-Pejabat Kehakiman Tutong atau dari Ketua2 Kampung dan Penghulu2 di-daerah itu.

Borang2 penyertaan hendaklah di-kembalikan tidak lewat dari 14hb Jun.

Tiga orang berkursus di-U.K.

BANDAR SERI BEGAWAN.— Tiga orang Inspektor Polis kini menjalani kursus mengenai Jurusan tugas 'Am Polis sa-lama dua puluh minggu di-United Kingdom. Mereka ia-lah Awangku Asli bin Pengiran Haji Ismail, Haji Hamzah bin Haji Salleh dan Awang Hasrin bin Haji Sabtu dan di-tempatkan di-Hendon Metropolitan Police Colleges.

Harga barang2 keperluan

SAPERTI biasa di-bawah ini di-chatetkan beberapa jenis keperluan sa-hari2 yang di-dapati di-jual dengan harga yang lebih rendah di-kedai Bandar Seri Begawan, Kuala Belait dan Seria. Ada-lah di-ingatkan kepada orang ramai bahawa harga barang2 yang berikut di-bawah ini bermula bagi minggu 1hb Mei, 1978.

BANDAR SERI BEGAWAN

- GARAM HALUS CHAP PLAY BASKETBALL — 50 sen sa-kotak boleh di-beli dari kedai2 berikut:—
 - A. Muthian, No. 9, Jalan McArthur.
 - Chai Huat Trading Company, No. B-2, Jalan Roberts.
- SAYOR KINCHAM — \$2.40 sa-kati boleh di-beli dari kedai2 berikut:—
 - Hen Leong, No. 31, Jalan Sultan.
- ASAM JAWA CHAP SINGA — 35 sen sa-bungkus boleh di-beli dari kedai2 berikut:—
 - Ming Thai Company, No. 32, Jalan Sultan.

KUALA BELAIT

- GARAM HALUS CHAP PLAY BASKETBALL — 50 sen sa-kotak boleh di-beli dari kedai2 berikut:—
 - Kok Kee, No. 60, Jalan Pretty.
- SAYOR KINCHAM — \$2.80 sa-kati boleh di-beli dari kedai2 berikut:—
 - Ng Ming Hong, No. E, Bangunan Dewan Perdagangan China.
- ASAM JAWA CHAP SINGA — 40 sen sa-bungkus boleh di-beli dari kedai2 berikut:—
 - Choo Seng,

No. 20, Jalan Pretty.

b) Kok Kee,

No. 60, Jalan Pretty.

c) S. S. Sa'adiah,

No. 92, Bangunan Hotel Sentosa,

SERIA

- GARAM HALUS CHAP PLAY BASKETBALL — 50 sen sa-kotak boleh di-beli dari kedai2 berikut:—
 - Chop Kim Huat, No. 53, Jalan Bunga Kuning.
 - Poh Sing, No. 65, Jalan Bunga Kenanga.
- SAYOR KINCHAM — \$2.40 sa-kati boleh di-beli dari kedai2 berikut:—
 - Chop Kun Mee, No. 6, Jalan Sultan Omar Ali.
- ASAM JAWA CHAP SINGA — 40 sen sa-bungkus boleh di-beli dari kedai2 berikut:—
 - Chop Yick Heo, No. 7, Jalan Sultan Omar Ali.
 - Chop Koh Seng Hang, No. 17, Jalan Sultan Omar Ali.
 - Teo Hup Shing, No. 20, Jalan Sultan Omar Ali.
 - Chao Heng Company, No. 30, Jalan Sultan Omar Ali.
 - Chop Giap Hin, No. 49-B, Jalan Bunga Kuning.
 - Poh Sing, No. 65, Jalan Bunga Kenanga.

Jadual lawatan Perpustakaan Bergerak bagi 12hb. hingga 15hb. Jun, 1978

TEMPAT PERSINGGAHAN	TARIKH	HARI	MASA
Sekolah Inggeris Berakas (Bahagian Rendah)	12.6.1978	Isnin	2.00- 3.00 petang
Berhadapan Kedai, Kampong Perpindahan	12.6.1978	Isnin	3.30- 5.30 "
Sekolah Melayu Orang Kaya Besar Imas, Subok	13.6.1978	Selasa	8.30- 9.30 pagi
Sekolah Melayu Dato Mahawangsa, Lambak	13.6.1978	Selasa	10.30-11.30 "
Sekolah Melayu Dato Gandhi	14.6.1978	Rabu	8.30- 9.00 "
Sekolah Melayu Serasa	14.6.1978	Rabu	10.00-10.30 "
Sekolah Melayu Mentiri	14.6.1978	Rabu	10.45-11.15 "
Sekolah Melayu Sultan Abdul Bubin, Sungai Besar	14.6.1978	Rabu	11.30-12.00 T/hari
Kawasan Rumah Ketua Kampong, Serasa	15.6.1978	Khamis	3.15- 4.15 "
Kawasan Rumah Ketua Kampong Mesjid Lama, Muara	15.6.1978	Khamis	4.30- 5.30 "

BEBERAPA minggu lalu Pelita Brunei telah menyiarkan renchana yang saya tulis bertajuk "Anak2 kita di-Great Britain." Renchana tersebut di-tulis dengan tujuan memberi gambaran selang pandang mengenai penuntut2 Brunei yang telah berada di-Great Britain kerana melanjutkan pelajaran. Kali ini saya chuba pula memberi panduan ringkas kepada penuntut2 Brunei yang akan berhijrah ka-Great Britain untuk melanjutkan pelajaran.

Tahun pengajian di-Great Britain mulai pada tiap2 minggu pertama bulan September bagi sekolah2 rendah dan menengah; akhir bulan September bagi maktab2 dan politeknik dan bagi universiti2 pula mulai pada minggu pertama bulan Oktober ia-itu sa-sudah chuti panjang musim panas. Ini berlainan dengan sistem di-Brunei ia-itu tahun pengajian di-mulakan pada tiap2 minggu pertama bulan Januari.

Permohonan2 untuk mendapatkan tempat belajar di-sekolah2, maktab2 dan politeknik di-United Kingdom terbuka pada lazim-nya hingga bulan Jun tiap2 tahun. Jika nasib baik permohonan boleh juga mendapat layanan dan pertimbangan walau pun terlewat dari tarikh tersebut. Ini risiko-nya amat berat untuk di-amal kesempatan. Ada-lah lebeh baik dan selamat permohonan untuk mendapatkan tempat belajar itu di-kemukakan atau di-usahakan pada waktu yang dikehendaki oleh pihak institusi. Bisai tah sebentar awal bila melakukan sesuatu usaha kebajikan itu.

Permohonan2 untuk mendapatkan tempat belajar di-universiti di-United Kingdom pula ada-lah melalui The Universities Central Council on Admissions (UCCA). Permohonan yang demikian membolehkan pemohon2 memilih lima buah universiti atau maktab universiti (University College) dalam satu permohonan. Sa-banyak 96 buah universiti dan maktab universiti di-United Kingdom yang termasuk dalam skim UCCA itu. UCCA hanya mengendalikan permohonan2 bagi kursus2 mahasiswa yang belum berijazah (under-graduate courses). Ini berlainan dengan chara membuat permohonan kepada politeknik dan maktab2 yang mana permohonan boleh di-hadapkan kepada masing2 institusi tanpa had bilangan-nva. Permohonan melalui UCCA itu di-tutup pada lazim-nya tiap2 15hb Oktober bagi kemasokan ka-universiti2 Oxford dan Cambridge dan tiap2 15hb Disember bagi kemasokan ka-universiti2 dan maktab2 universiti yang lain. Dalam perkataan lain permohonan itu di-hadapkan sa-lewat2-nya antara 9 atau 12 bulan sa-belum tahun pengajian di-mulakan ia-itu jika hajak untuk

PENGIRAN Mustapha bin Pg. Metassan merupakan anak Brunei yang pertama di-perbantukan ka-Brunei Government Agency, Norfolk Square, Paddington, London, khas bagi menyelenggarakan hal-ehwal kebajikan penuntut2 Brunei di-United Kingdom. Beliau sudah berada disana kira2 2 tahun atas nama jawatan Pegawai Dermasiswa dan kesejahteraan.

Sa-lama menjalankan tugas disana, beliau sa-chara langsung berhadapan dengan masalah2 yang di-alami oleh penuntut2 kita dan ajukan oleh penuntut2 itu kepada beliau sama ada bagi tujuan meminta nasehat atau mengator langkah2 untuk mengatasi

masaalah yang begitu banyak.

Timbul dari masalah2 yang di-hadapi oleh beliau itu, dengan sukarela beliau telah menyusun satu renchana khusus bagi membimbing bakal penuntut2 Brunei yang akan berhijrah ka-United Kingdom untuk melanjutkan pelajaran di-berbagai bidang.

Tentu-nya renchana ini banyak memberikan manafaat kepada penuntut2, ibu bapa dan masyarakat kita yang ingin mengetahui akan keadaan yang sa-benar terutama pada yang berhajat untuk melanjutkan pelajaran di-sana.

Renchana beliau itu akan di-siarkan sa-chara bersiri mulai minggu ini.

MENUNTUT DI-GREAT BRITAIN

Pengiran Mustapha

menulis dari
LONDON



makluman yang di-maksudkan. Sekira-nya permohonan itu dapat di-pertimbangkan, maka pihak universiti yang berkenaan akan memberi tawaran tempat belajar yang bersyarat kepada pemohon. Antara syarat2 yang lazim dikenakan ia-lah pemohon di-kehendak mempunyai kelulusan peringkat lanjutan (Advance Level) serta mempunyai pangkat (grade) yang tertentu dalam beberapa mata pelajaran.

Pemohon2 yang telah menerima tawaran bersyarat itu akan dapat mengetahui kedudukan tawaran itu dengan sendiri-nya apabila di-ketahui keputusan peperiksaan 'A' level sama ada dapat memenohi syarat yang dikenakan atau sa-balek-nya. Dalam pada itu ada satu skim yang di-namakan "Clearing Scheme" yang

mana membolehkan pemohon2 memohon pertimbangan semula sekira-nya permohonan mereka tidak berjaya kerana tidak dapat memenohi syarat, umpama-nya bilangan mata pelajaran yang dikehendaki tidak cukup atau pangkat-nya yang di-syaratkan kurang baik atau kerana permohonan di-tolak tanpa syarat tetapi berjaya mendapat kelulusan 'A' level sa-kurang2-nya dalam 2 mata pelajaran. Permohonan untuk mendapatkan pertimbangan semula melalui "Clearing Scheme" itu di-hadapkan kepada UCCA juga. Keterangan lanjut mengenai perkara ini boleh di-rujuk dari "UCCA handbook". Pemohon yang tidak berjaya mendapat kelulusan dalam dua mata pelajaran 'A' level tidak memberi pertolongan apa2 dari skim tersebut.

(BERSAMBONGAN)


belajar di-universiti mulai bulan Oktober 1979, permohonan masuk di-tutup pada 15hb Disember 1978 kechuali bagi universiti2 Oxford dan Cambridge di-tutup pada 15hb Oktober 1978.

Ada-lah perlu juga ditegaskan bahawa permohonan itu di-lakukan sa-belum keputusan peperiksaan SAP peringkat lanjutan (G.C.E. Advanced Level) di-ketahui atau belum mempunyai kelulusan 'A' level tetapi akan menduduki peperiksaan di-peringkat itu. Untuk keterangan lanjut boleh di-rujuk buku panduan mengenai peratoran2 dan penerangan permohonan dari "UCCA handbook" yang boleh di-dapati dari Jabatan Pelajaran, Brunei di-Bahagian Dermasiswa, Pengetua Pusat Tingkatan Enam atau dari alamat berikut:

The Universities Central Council on Admissions, P. O. Box 28, Cheltenham Glos, GL50 1HY, England. Apabila permohonan2

itu sampai kepada UCCA, pihak UCCA akan mengendalikan dan mengedarkan permohonan itu kepada universiti2 yang berkenaan. Pihak universiti pula akan membuat pertimbangan dan akan memaklumkan pertimbangan mereka itu kepada pe-

mohon2 sama ada permohonan itu berjaya atau sa-balek-nya. Makluman demikian selalu-nya di-buat dalam bulan Februari atau Mach. Saya perchaya bahawa penuntut2 yang telah menghadapi permohonan mereka pada tahun lalu telah menerima



KAEDAH SILVER

Bersehhkan mulut pesakit dari lumut laut atau gigi palsu atau benda2 lain yang boleh menghalang pernafasan. Jika barang itu dalam, maka balut jari kamu dengan kain keliling-nya dan masukkan kamulut dan bersehhkanlah mulut itu.

1. baringkan telentang pesakit itu, letakkan lipatan kain panas atau kain lain yang di-lipat2 di-bawah bahu-nya untuk menaikkan bahu-nya dan biarkan kepala-nya jatoh ka-bawah di-belakang. Kepala mestilah rendah dari bahu-nya. (rajah 1)
2. berlutut di-kepala pesakit itu dan pegang pergelangan tangan-nya serta silangkan kedua2nya dengan tegoh ka-atas dada. (rajah 2). Pergerakan ini menjadikan udara keluar dari paru2.
3. lepaskan tekanan ini dan tarik tangan dengan gerakan yang chepat ka-atas dan kebelakang kepala-nya sa-berapa boleh. (rajah 3).
4. ulang gerakan2 ini sa-lama 12 kali pada sa-minit. Periksa mulut pesakit selalu dan jika benda keluar seperti muntah atau ayer palingkan kepala ka-kiri

atau ka-kanan segera.

5. hantar ka-hospital dengan ambulance bagi rawatan sa-lanjut-nya.

Pemuliharaan gerakan jantung dari luar


Teknik ini di-lakukan kerana sa-telah memberi pernafasan seperti chara2 di-atas tidak berhasil dan paru2 tidak bergerak, muka pesakit maseh puchat. Ini menunjukan udara dan oxygen tidak ka-otak dan jantung tidak bekerja, maka lakukanlah seperti ini:

1. baringkan pesakit dengan telentang di-atas lantai yang keras, tapi tidak di-atas yang lembut seperti tilam dan lain2.
2. beri-lah pukolan yang sederhana kuat-nya ka-atas tulang dada bawah, chara ini boleh menjadikan paru2 bergerak. Jika pukolan ini tidak berhasil sa-lepas beberapa pukolan maka lakukanlah;
3. dudok merangkak atas dua lutut di-tepi pesakit. Letakkan hulu tapak tangan di-atas hujung tulang dada sa-belah kiri dan hulu tapak tangan yang satu di-atas tangan pertama tadi, tentukan hanya hulu tapak tangan sahaja yang terkena hujung tulang dada sementara jari2 anjongkan ka-atas.

4. tekankan tangan kamu menurut keberatan badan yang di-majukan ka-depan sementara tangan hendaklah keras dan lurus.
5. balekan badan ka-belakang yang membawa ka-rangan-an tekanan pada dada tapi hulu tangan maseh melekat pada dada.
6. buatlah begini tiap2 saat. Kecepatan masa pertolongan ada-lah sangat mustahak dalam perkara ini. Bagi kanak2 berumur 10 tahun ka-bawah hanya kekuatan satu tangan di-kehendaki dan banyak tekanan antara 80 — 90 dalam sa-minit, dan bagi orang dewasa 60 tekanan sa-minit.

Jika sa-orang penolong chemas sahaja melakukan pemuliharaan nafas ini, buatlah mulut ka-mulut 2 kali hembusan dan tekan dada 15 kali bagi mengerakkan jantung. Chara ini memang susah tapi dapat dilakukan dengan mudah bila telah mahir berlateh.

Jika berdua, sa-orang melakukan teknik gerakan paru2 dan sa-orang melakukan mulut ka-mulut. Sa-lepas melakukan kedua2 chara2 ini boleh menambahkan gerakan paru2 sa-kurang2-nya muka akan beransor2 puleh sediakala. Lakukanlah tekanan ka-paru2 ini sa-hingga paru2 bergerak dengan kuat-nya atau sampai ka-hospital, atau doktor menyuruh berhenti.



Sa-bahagian daripada Mahasiswa2 Brunei yang telah berjaya dalam pengajian masing2 di-universiti dan politeknik di-Great Britain pada tahun 1977. Dari kiri — Saifon Awang Besar B.A. Hons. in Economics, Maimunah bte Elias B.Sc. Hons. in Geography, Ak Zaini bin Pg. Haji Kamaluddin B.Sc. Hons. in Chemistry, Hairuni bte Mohd Ali Maricar B.A. Hons. in Humanities dan Ak Shahminan bin P.S.I. Pg Hj. Ismail B.Sc. Hons. in Electronic Engineering.

MASSIVE PARADE MARKS QUEEN'S BIRTHDAY

BANDAR SERI BEGAWAN. — Celebrations to mark the birthday of Her Majesty Queen Elizabeth II began with a massive and colourful parade on the padang here last Saturday morning.

The parade, commanded by Major J.D. Griffiths-Eyton, comprised contingents from 10th. Princess Mary's Own Gurkha Rifles, Second Battalion Royal Brunei Malay Regiment, Royal Brunei Police Force and the Police Saluting Gun Unit.

Detachments from civilian organisations consisting of the cadets Royal Brunei Malay Regiment, cadets Royal Brunei Police Force, Marine Department, Customs Department, Fire Brigade, Red Cross, Boy Scouts, Girl Guides, Immigration Department and Boys' Brigade also took part in the parade.

A composite band made up of the 10th. PMO Gurkha Rifles Pipes and Drums, the 2nd. Battalion RBMR Pipes Drums and the Royal Brunei Police Band were in attendance.

The parade watched by thousands of people start-

ed at 7.30 a.m. with the arrival of invited guests.

His Excellency the British High Commissioner, Mr. James Davidson, arrived at the parade just before eight o'clock and was followed a couple of minutes later by His Highness the Sultan Sir Muda Hassan Bolkiah Muiz-zaddin Waddaulah.

The parade commander marched to the royal dais to report the parade to His Highness the Sultan who then invited His Excellency to inspect the parade and civilian organisations.

On completion of his inspection, His Excellency returned to the dais area and took up a position facing the centre flag pole with the British Royal Standard which was broken on the first note of the National Anthem representing the symbolic arrival of the Queen.

Before returning to his seat on the dais, His Excellency read the text of the Queen's message to the Commonwealth.

The parade fired a Feu-de-Joie and the Police Saluting Gun Unit began to fire a 21-gun salute at ten-second intervals in co-ordination with the Feu-de-Joie.

Three cheers for the Queen

rang out from the parade and the Air Wing of the Royal Brunei Malay Regiment staged a fly past.

The British Royal Standard was then lowered representing the symbolic departure of the Queen.

This was followed by a march past led by 10th. PMO Gurkha Rifles.

Among those who witnessed the parade were DYT Paduka Seri Begawan Sultan Sir Muda Omar Ali Saifuddin Saadul Khiri Waddien, YTM Seri Paduka Duli Pengiran Perdana Wazir Sahibol Himmah Wal Waqar Muda Mohammed Bolkiah, YTM Seri Paduka Duli Pengiran Muda Suffi Bolkiah, YTB the General Adviser Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Laila Utama Awang Isa, the Menteri Besar Yang Amat Mulia Pengiran Dipa Negara Laila Diraja Pengiran Abdul Momin, YTM Seri Paduka Wazir, the hon'ble State Secretary Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Awang Haini Aziz, YAM Pengiran Cheterias, Pehins, community leaders and senior government officials.

Later that morning a reception was held at the British High Commission.

His Highness the Sultan and Royal Family were greeted on arrival at the High Commission by His Excellency and Mrs. Davidson.

British High Commission staff, the Commanding Officer of 10th. PMO Gurkha Rifles, Lieutenant Colonel M.G. Allen, his second in command, Major C.A. Lees and their wives were presented to His Highness the Sultan.

Shortly after toasts were proposed. His Excellency proposed the toast to His Highness the Sultan who afterwards proposed the toast to Her Majesty the Queen.

THE MESSAGE


THE following is the text of the Queen's message to the Commonwealth read by His Excellency the British High Commissioner at the parade:

"During our visits to so many parts of the Commonwealth in the course of my very happy Jubilee Year I was greatly impressed and deeply moved by the liveliness and the spontaneous enthusiasm of the young people who greeted us.

The Commonwealth takes its young people seriously — and rightly so — because they make up about half its population of nearly 900 million. I am glad that the leaders from all parts of the Commonwealth, who gathered in London for the Silver Jubilee, decided to continue the Commonwealth youth programme. This programme encourages the participation by young people in all aspects of the development of their societies.

Those who contributed so generously to the Jubilee Appeal also had in mind the young people of the Commonwealth. The Silver Jubilee Trust, under the chairmanship of the Prince of Wales, will benefit the young people of all Commonwealth countries. It will help them carry out community projects in other countries and broaden their understanding of their fellow-citizens of the Commonwealth and their ways of life.

It is natural that my thoughts should be today with the millions of young people in the Commonwealth. I wish them courage, happiness, understanding and fulfilment."



The Pentex electronic exchange.

Telephone system expanded

BANDAR SERI BEGAWAN. — Telecommunications will be dramatically improved both internally and externally when current developments to expand the telephone system become operational next year.

The developments launched by the Telecommunications Department under the present Five-Year National Development Plan include six major projects, one of which is the earth satellite station.

The other five projects estimated to cost some twenty-eight million dollars are a local telephone exchange to serve the centre of Bandar Seri Begawan or Central Exchange; a new local exchange to replace the existing Lambak and Manggis exchanges or North Exchange; an automatic international exchange to replace the existing manual switchboard and enable subscribers to dial international calls direct; an automatic local and international telex exchange to replace the overloaded manual exchange; and a major duct and cable scheme for the Bandar Seri Begawan area.

The Controller of Telecoms, Mr. D.H.A. Scholey, in an interview with the Information Section of the State Secretariat, said two new major buildings are necessary to house the exchanges.

One will be the multi-

Over 500 take exams.

BANDAR SERI BEGAWAN. — More than five hundred candidates including private ones are currently sitting for their London GCE 'O' and 'A' level examinations.

The examinations are being held at four centres namely the SOAS College here, the Sixth Form Centre at Jalan Muara, the Anthony Abell College, Seria and the Perdana Wazir English School, Kuala Belait.

Of the candidates, 410 are at the SOAS College, 88 at the Sixth Form Centre, 40 at the Anthony Abell College and 26 at the Perdana Wazir English School.

The examinations will end on the nineteenth of this month.

storey Telephone House to accommodate the local and international exchanges and the telex exchange, and the other, a smaller building, to house the North Exchange.

Foundation laying for the Telephone House which is situated at a site at the junction of Jalan Tutong and Jalan Istana Darussalam is nearly completed and tenders for the construction of the North Exchange building have been called.

Mr. Scholey said the Telephone Switching equipment is being bought from Nippon Electric Company (NEC) and the Telex Switching equipment from the Plessey Company. Both awards were made after an international tender exercise.

The underground cable is being purchased from the Essex Company, USA.

He disclosed that detailed technical discussions have been held between Telecoms Department staff and those of both NEC and Plessey on the problems of interworking the new equipment with that already existing in the State.

He said the department has completed detailed planning of the underground cable network although a great deal of checking of existing records is necessary before the vast task of connecting the new and old cable networks together can be undertaken.

This will involve having every existing telephone subscriber connected to both the new and existing exchanges and then changing them from the old to the new in a space of one minute.

Mr. Scholey said the equipment manufacturers will provide skilled technical assistance and training staff to supervise the installation of the switch-

ing equipment by local personnel.

Five departmental staff will be leaving Brunei for a six-month course in Tokyo next month while others will be sent to the United Kingdom for training on the telex equipment.

The Controller said shortages of telephones will continue in Bandar Seri Begawan until the new exchanges are commissioned although some relief will be possible in the Jalan Tutong area from Mile Four onwards following the commissioning of the new transportable Pentex electronic exchange which is now on site. It will be replaced by a permanent exchange in 1980.

Early in 1980, a new electronic exchange will be opened in Mumong to meet the rapidly growing demand in the Kuala Belait/Mumong area.

On the earth satellite station, Mr. Scholey said tender bids for it are currently being evaluated and that an order will be placed this month or next.

Work has started on the access road to the site at Telisai where housing for the operational staff is under construction.

Microwave equipment to connect the earth station circuits into Telephone House is on order from Bell Manufacturing Company, Belgium.

During the installation of the earth station, local staff will be trained by the contractors who will be responsible for the maintenance and operation of the station for up to four years after it is brought into service.

Local staff will be trained on the equipment during this period and gradually take over full responsibility for its operation.

Mr. Scholey said the earth station is scheduled to come into service on July 1 next year.

He added that every effort is being made to bring the other projects into service at the same time but this is not essential although highly desirable.

Cooperative course

BANDAR SERI BEGAWAN. — Twenty-four cooperative leaders from seven cooperative societies in the Tutong District last week attended a four-day course at the Youth Centre here.

The course, organised by the Department of Cooperative Development, was declared open on Thursday by its commissioner, Awang Ahmad Wally Skinner.

The course was aimed at giving the participants an opportunity to make a thorough study of their roles and responsibilities in the administrative and managerial aspects

of cooperative societies.

During the course, the participants heard lectures delivered by officials from the department itself, the Economic Development Board and the Agriculture Department.

The course climaxed with visits to cooperative shops in the Temburong, Brunei/Muara and Belait districts.

The visits were specially included in the course to give the participants the opportunity to see the activities and management of these shops which might be of value in the way of example to the participants.

BNWF receives over \$18,000 last year

BANDAR SERI BEGAWAN. — The Brunei National Welfare Fund last week received a cheque for more than two hundred dollars as donation from the Indian Association here.

The cheque was handed over by the association's treasurer, Mr. Ramanathan to the chairman of the fund, Pehin Jawatan Luar Perkerma Raja Dato Setia Awang Haji Husain, who is also the Director of Welfare, Youth and Sports, at his office here.

Also present during the handing over were the vice-president and the secretary of the association, Mr. N.M. Matthews and Mr. N.C. Varghese respectively.

The donation brought the amount received by the fund so far this year from individuals, voluntary bodies and government servants to \$1,294

and sixty cents.

Last year the fund received a total of eighteen donations amounting to \$18,761.71.

All of the money except for a sum of \$9,328, which was raised by the National Welfare Body at a premier film show it organised, came from the same sources.

Meanwhile the National Welfare Body last Tuesday donated a sum of \$550 to two people whose houses at Kampong Sungai Matan in the Brunei/Muara District were damaged by fires.

Of the amount, \$300 was given to Awang Damit bin Manudin and the other \$250 to Awang Mohammad Yusof bin Abu Bakar.

The money was presented to the two men by a committee member of the body, Awang Tan Kim Thai.



Pehin Dato Hussein (left) receiving the cheque from Mr. Ramanathan with Mr. Varghese and Mr. Matthews looking on.



Lanjutkan pelajaran ka-Singapura

SA-RAMAI 10 orang penuntut perempuan dari Sekolah Menengah Arab Hassanah Bolkiah telah berlepas meninggalkan tanah ayer baru2 ini untuk melanjutkan pelajaran mereka ka-Madrasah Al-Juned Al-Islamiah diRepublik Singapura atas biasiswa Kerajaan Kebawah DYMM melalui Jabatan Hal Ehwal Ugama.

Mereka itu ialah dari kiri ka-kanan, Dk. Hamidah bte Pg. Kamaluddin, Dy.

Rusita @ Sita bte Yahya, Dy. Surbiah bte Tengah, Dy. Hjh. Saidah bte Datu Derma Wijaya Hj. Tamit, Dk. Salmiah bte Pg. Sahbudin, Dy. Mariah bte Pehin Pekerma Dewa Hj. Abd. Rahim, Dy. Rashidah bte Mohd. Hanifah, Dy. Zaleha bte Ibrahim dan Dy. Siti Mastura bte Mahmud manakala sa-orang lagi ia-lah Dy. Aminah bte Orang Kaya Maharaja Lela Hj. Mohd. Yusof (tidak turut bergambar).

MAUT atau mati sentiasa mengintai2 manusia di-mana saja manusia itu berada. Sebab itu kejadian mati boleh terjadi di-mana2. Kadang2 ia terjadi chukop mudah; di-jalan, di-rumah, dalam tidor, ketika sedang makan dan sa-bagai-nya. Pendek kata sa-tiap yang bernyawa akan mengakhiri hidup-nya dengan suatu kemestian yang bernama mati — yang tiada siapa yang boleh mengelak-nya apabila sa'at yang di-tentukan oleh Allah itu tiba.

Soal-nya sekarang ada-kah kita rela mati sa-belum membersehkkan diri dari segala dosa yang telah dilakukan?

Jika kita banyak membuat dosa dan ingin memperbaiki diri sa-bagai persiapan untuk menghadapi mati, bertaubah-lah kepada Allah dengan memohon ampun di-atas dosa2 yang telah di-lakukan dengan penoh keikhlasan dan tidak akan melakukan-nya lagi. Kerana pintu keampunan sentiasa terbuka sebagaimana maksud hadith Rasulullah s.a.w. yang di-riwayatkan oleh Ibnu

Bertaubat sa-belum mati

Majah, "Walau pun kamu telah melakukan dosa sa-hingga banyak yang memenohi langit, kemudian kamu menyesali perbuatan itu, maka Allah akan menerima taubat kamu kembali".

Para ulama telah merumuskan definisi taubat itu sa-bagai berikut; "Mendekatkan diri kepada Allah dengan melakukan taat kembali kepada-Nya dengan membarui niat untuk melakukan amal kebajikan".

Menurut Imam Ghazali pula hakikat taubat itu ialah meninggalkan dosa dengan niat tidak akan kembali lagi memperbuat dosa seperti yang telah di-kerjakan itu.

Walau pun pada pokoknya sa-tiap orang yang melakukan taubat itu akan di-terima oleh Allah, tetapi

Bingkisan minggu ini

sa-tiap taubat itu Allah sahaja yang maha mengetahui samada dapat di-terima atau tidak. Apabila sa-seorang itu di-berikan Tuhan petunjuk dan hidayah kepada jalan yang benar dan di-redzai-Nya maka berhasil-lah taubat-nya.

Maka dapat-lah kita suatu kesimpulan bahawa taubat itu merupakan suatu syarat utama untuk mengenali dan mendekatkan diri kepada Allah. Apabila sa-orang manusia telah benar2 bertaubat dengan penoh keikhlasan itu akan bersatu di-dalam hati-nya, lalu menjelmalah 'iman'. Hingga sa-makin dalam iman sa-makin dekat-lah ia dengan Tuhan.

Oleh itu sa-lagi pintu taubat maseh terbuka, insafilah diri, bersehkkanlah diri dari segala macham dosa dan noda yang akan menghalang kita dari masuk ka-darjat kemuliaan di-sisi Allah itu. Dan untuk melakukan-nya pula bukan-lah suatu perkara yang harus di-lambat2kan atau di-tangguh2; umpamanya menunggu hari tua, menunggu masa senang dan saumpama-nya, kerana kesempatan yang di-tunggu2 seperti itu bukan-lah suatu kepastian untuk kita menchapai-nya.

